

27/10/1998

Bekas aktivis pelajar nafi jadi dalang

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas aktivis pelajar tahun 70-an, Hishamuddin Rais, yang dibebaskan awal pagi ini selepas ditahan berikutan rusuhan di Kampung Baru Sabtu lalu, menafikan menjadi dalang perhimpunan haram itu.

Sambil mengecam tindakan perusuh Sabtu lalu yang dianggap tidak demokratik, beliau berkata:

"Saya tidak bersetuju dengan keganasan kerana ia bukan demokrasi. Bagaimanapun menunjuk perasaan secara aman adalah proses demokrasi.

Beliau mengakui hadir dalam beberapa perhimpunan haram termasuk ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim berhimpun di Masjid Negara dan Dataran Merdeka, tetapi tidak pernah terbabit dalam mana-mana pergerakan, parti politik atau badan bukan kerajaan (NGO).

Bercakap di kediamannya di Bangsar Utama hari ini, beliau mengecam tindakan perusuh di Kampung Baru itu kerana ia melambangkan Malaysia sebagai negara bukan demokrasi.

"Baru-baru ini, satu demonstrasi diadakan bagi membantah Presiden Estrada di kedutaan Filipina untuk menunjukkan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini harus disokong kerana ia adalah satu proses demokrasi dan rakyat berkumpul menyuarakan pendapat secara berkelompok atau bersama-sama," katanya.

Menjawab soalan, Hishamuddin menegaskan beliau bukanlah dalang sebagaimana laporan sebuah akhbar Ahad lalu, malah beliau tidak arif dengan situasi politik Malaysia berbanding pada zamannya kerana berada di Malaysia kurang empat tahun.

"Saya bukan dalang atau boneka kepada sesiapa. Saya berada di Malaysia kurang empat tahun, jadi saya tidak ada hubungan dengan generasi baru. Ketika ditahan pun, mereka tidak kenal saya... jadi tidak masuk akal saya memimpin mereka. Saya juga tidak pernah meneriak 'reformasi.'

Ditanya kemungkinan kehadirannya dianggap sebagai menyokong Anwar, beliau berkata, menghadiri perhimpunan dan menyokong reformasi adalah perkara yang berbeza dan kehadirannya bukan bermakna menyokong Anwar.

"Saya di situ untuk mengambil gambar. Buat kerja," tegasnya.

(END)